

## PORTAL MYTAX KINI DILENGKAPI DENGAN PAPARAN PENYATA BAYARAN CUKAI PEGANGAN DAN POTONGAN CUKAI BULANAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa menu paparan penyata bayaran Cukai Pegangan dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) telah boleh diakses melalui portal MyTax di pautan pantas <https://mytax.hasil.gov.my/> bermula **12 Jun 2024**.

Paparan penyata bayaran ini melibatkan semua jenis bayaran Cukai Pegangan dan PCB yang dibuat mulai 1 Januari 2024 di semua saluran bayaran cukai yang disediakan.

Samakan ke atas bayaran yang telah dibuat boleh dilakukan melalui penyata yang dijana berdasarkan peranan MyTax yang ditetapkan. Selain itu, fungsi cetakan resit bayaran cukai pegangan dan PCB turut disediakan dan pembayar cukai digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut secara dalam talian.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);

- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas  
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

---

**Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 05 Julai 2024**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia